

30 MAR 1996

Pemimpin

PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO KEDAH JUMPA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menemui anggota Parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri Kedah daripada UMNO di pejabatnya di sini.

Anggota Parlimen Jerlun Datuk Hanafi Ramli yang ditemui ketika meninggalkan Jabatan Perdana Menteri berkata pertemuan itu yang bermula pukul 8.30 pagi diadakan secara berasingan. Ia didahului oleh pertemuan dengan anggota Parlimen.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas apabila ditanya mengenai perbincangan semasa pertemuan itu.

Ahad lepas 22 ADUN Kedah mengumumkan tindakan mereka menandatangani memorandum kepada Dr Mahathir selaku Presiden UMNO bagi menyatakan sokongan kepada Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff dan menolak sebarang usaha untuk melantik bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar yang baru.

Mereka kemudian menyatakan hasrat untuk meminta maaf kepada Dr Mahathir berkaitan tindakan mereka mengumumkan perkara itu tanpa mengikut saluran parti.

Sementara itu, anggota DUN Alor Merah Encik Ahmad Bashah semasa ditemui di pintu utama JPM, berkata hanya 20 daripada 22 anggota DUN yang menandatangani memorandum itu hadir pada perjumpaan dengan Dr Mahathir.

Semasa ditanya oleh pemberita bagaimana dengan mesyuarat itu, beliau yang juga Ketua Umno Alor Setar cuma menjawab: "O.K."

Apabila ditanya berapa lama perjumpaan anggota-anggota DUN itu dengan Perdana Menteri, beliau berkata: "Kira-kira satu jam."

Beliau juga enggan mengulas lanjut mengenai perjumpaan tertutup itu.

Selepas itu, Dr Mahathir meninggalkan pejabatnya kira-kira pukul 12.05 untuk menemui Perdana Menteri Pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh di Cascosa Seri Negara.

Dr Mahathir sekadar tersenyum dan melambai-lambaikan tangan kepada para wartawan yang menunggu di pintu utama untuk mendapatkan berita mengenai pertemuan berkenaan. -- BERNAMA

SJA NMO